

MENYUSUR JEJAK PEMBINAAN TEORI SASTERA MELAYU

OLEH **MANA SIKANA**

Dalam konteks yang sama, para ulama juga bersetuju bahawa bidang kesenian hukumnya mubah (harus). Selagi tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam, seni dibenarkan. Hal ini banyak bergantung pada cara seni itu dipersembahkan, yang boleh menjatuhkannya kepada makruh atau haram. Tidak ada masalah untuk mempelajari sastera dan teori daripada luaran asalkan terdapat unsur selari atau telah mengalami saringan dan penyesuaian. Dalam zaman moden ini, antara tokoh yang mempunyai pendirian yang sama, selagi tiada wujud pertentangan dengan nilai Islam lalu boleh diterima ialah Ismail al-Faruqi.

Perlu dicatatkan di sini, dalam tradisi keilmuan Islam sendiri, tersedia wujud ilmu balaghah dan ilmu takwil, yang pada zaman moden nanti berselari dengan analisis struktural dan hermeneutik. Balaghah ialah ilmu penyampaian yang menggunakan bahasa supaya makna yang agung dapat dihantar dengan jelas menggunakan kata fasih dan berkesan. Kaedah penyampaiannya disebut ilmu *ma'ani* (pemberian makna): tepat kalimatnya, mengikut konteks khalayak dan sesuai dengan tujuannya. Balaghah juga menjadi metode untuk menilai karya yang bermutu dengan sebaliknya.

Ilmu takwil ialah ilmu yang mirip kepada ilmu tafsir, yakni menerangkan dan menjelaskan makna dan mafhum al-Quran. Perbezaannya terletak pada lafaz atau ayat yang mengandungi banyak makna dan menetapkan makna yang

dapat diterima dengan hujah dan dalil. Tegasnya, usaha mentafsir batin lafaz atau kata untuk mencari makna yang ditentukan oleh Allah SWT. Terdapat pelbagai takwil, seperti takwil *al-takhsisi*, *al-taqyidi* dan *al-majazi*, maksudnya ada yang tersurat dan tersirat, dan ada kata yang menggunakan amsal dan metafora. Para alim ulama, mufasirin dan mujtahid mensyaratkan orang yang layak melakukan takwil ialah orang yang menguasai bahasa Arab *fushah* (bahasa Arab tinggi, bahasa persuratan atau bahasa al-Quran) dan memiliki ilmu syariat yang tinggi.

Teori Sastera Moden Tiba ke Tanah Melayu

Masyarakat sastera kontemporari telah mengenali dua tokoh yang memberikan kesan besar terhadap perkembangan keilmuan negara dan sastera, iaitu Imam al-Ghazali dan Ibnu Rusyd dalam epistemologi yang berbeza. Imam al-Ghazali melalui kitab-kitabnya, terutama *Ihya Ulumuddin* banyak dirujuk tentang sistem pendidikan Islam dan akhlak, sementara Ibnu Rusyd pula dalam sifat pembaharuannya dalam beragama dan sastera. Pandangan al-Ghazali kurang memberikan kesan kepada dunia kesusasteraan, sedangkan pemikiran Ibnu Rusyd membuka jalur modenisme sastera yang dianuti oleh Muhammad Abduh, lalu mengatir ke negara

Arts & Literature - General

M/S 25-33

chr. no = 0000 275422
ART 2017/A07

kita melalui pemikiran Syed Sheikh al-Hadi yang menggunakan sastra untuk mencapai cita-cita pembaharuan atau reformasi. Melalui *Hikayat Faridah Hanum*, yang diadaptasi oleh Syed Sheikh al-Hadi daripada *Zainab* karya Husayn Haykal, ideologi modenisme dalam sastra Melayu memulakan janinnya, dan akhirnya menjadi wahana pengarang dan penteroi membina subjektiviti sastra.

Syed Sheikh al-Hadi kemudiannya diikuti oleh puluhan, malah ratusan penulis yang mendapat pendidikan Melayu, agama dan Inggeris yang menulis karya sastra moden. Kesukaran hidup yang dialami pada zaman penjajahan dan tekanan waktu pramerdeka, pengalaman sastra masa itu bagaikan sebuah hospital yang diisi oleh karya yang perit, pedih dan sakit. Situasi semakin parah apabila negara, sama-sama mengalami Perang Dunia Kedua, yang merosakkan sistem hidup dan nilai masyarakat. Pemuda Melayu menjadi buruh kasar di bandar-bandar besar dan menjadi pedati di pelabuhan-pelabuhan. Wanita menari di pentas-pentas hiburan, selain bersembunyi di lorong belakang. Pengarang lalu diberikan tanggungjawab untuk memurnikan keadaan, dan sastra untuk masyarakat menjadi slogan. Hantu Marx menyusup tajam. Suara realisme dan sosialisme hidup serumah.

Kritikan menggunakan pendekatan sosiologi yang sangat sesuai dengan teks simulakrum masyarakat waktu itu. Gesaan untuk menggunakan realisme sosialis yang dianggap progresif dan dinamis mula disuarakan apabila anak muda mula bergraduasi pada tahun-tahun menjelang kemerdekaan. Dan, apabila negara merdeka, banyak karya tertumpu pada pembangunan, dan terbau pula banyak pemimpin yang menangguk air di luar takungan. Gesaan kepada pengarang untuk menghasilkan

karya yang bermutu, menyebabkan formalistik menjadi popular dalam usaha mengajar pengarang yang sangat ghairah berkarya waktu itu. Hal ini diikuti dengan teori lainnya, yang ketika itu disebut dengan pendekatan, termasuk moral, sejarah, arketipa, budaya dan psikologi.

Kebanjiran pendekatan dan teori Barat dalam usaha menilai sastra Melayu mula dirasakan. Dalam suasana beginilah mula difikirkan, betapa perlunya sastra Melayu memiliki teorinya sendiri. Asal usulnya pembinaannya secara serius dimulai oleh Seminar Kritik Sastra tahun 1973 di Johor Baharu, yang menuntut supaya kriteria penilaian teks sastra diukur oleh nilai tempatan. Seminar Sastra dan Agama di Kuala Terengganu pada tahun yang sama kemudiannya, membuat keputusan teori sastra yang sesuai dengan tradisi sastra Melayu ialah teori sastra Islam. Hal ini didorong oleh situasi pengkaryaan waktu itu yang banyak didominasi oleh teks sosial dan keagamaan. Wilayah yang selama ini belum pernah diterokai, apalagi pengkritik yang berasa selesa dengan teori Barat, ialah usaha merintis ke arah pembinaan teori sastra tempatan; bukanlah suatu pekerjaan yang mudah untuk menghasilkan teori sendiri. Sukar untuk menjadi pemulanya.

Jejak Pembinaan Teori Sastra Melayu

Perdebatan klasik tahun 1970-an antara Ismail Hussein dengan Syed Muhammad Naquib al-Attas terjadi, membuka lebih ruang ke arah penterorian ini. Seorang mengangkat Abdullah Munshi kerana keakuannya, sosialistik dan penemuan alat cetak, bertentangan dengan seorang lagi dengan Hamzah Fansuri yang sufistik, wahdah al-wujud dan simbolistik;

berbeza idealisme dan arah wacana yang tidak boleh dipertemukan. Abdullah Munshi menorka dengan naratif baharunya, berterus-terang dan realistik membuka pintu sastra Melayu kepada modenisme, Hamzah Fansuri dengan majaz burung, berkelana mencari Tuhan dan kaya dengan *istiarah* ke arah teks pembaharuan simbolisme.

Syed Muhammad Naquib al-Attas menyampaikan ucapan perdananya pada tahun 1972. Saya memasuki Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKBM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1974, dan dapat mengikuti kuliah hasil ucapan tersebut dengan bunyi kursus yang sama, "Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu" (yang kami sebut sebagai buku ayam). Menariknya, gagasan tesisnya meneliti jasa Islam melepaskan unsur asasnya daripada cengkaman rasa Hinduisme sebelumnya dan kolonialisme Barat; sastra Melayu mula membuka tabir pemikiran sastra yang bersifat akliah. Sebagai tugas kursus itu saya menulis "Sastra Melayu dan Hubungannya dengan Sastra Islam", tersiar dalam majalah *Dewan Bahasa*. Kursus seterusnya daripada pensyarah ini ialah "Pertembungan Tamadun Barat dan Islam", kuliah yang lebih memukau, justeru ketajaman dan kemampuan luar biasanya menunjukkan elemen perbezaan antara kedua-dua tamadun ini. Sumbangan pemikiran Syed Muhammad Naquib al-Attas menarik untuk dibahaskan.

Kesan kehadiran pemikiran Islam tidak sahaja merobah penulisan teks sastra tetapi juga dunia kesarjanaan. Pengkritik pada zaman awal memikul tanggungjawab yang secara intelektual mula diwarisi oleh anak yang baru mendapat ijazah di beberapa yaysan perguruan tinggi. Pendekatan sastra moden seperti moral, sejarah, sosiologi, arketipa dan psikologi cepat popular.

Kesan daripada peristiwa berdarah 1969 juga penting, sastra Melayu mula memasuki pascamoden yang surealistik dan absurd. Betapa pentingnya teks ini dihakimi dengan adil, memperlakukan beberapa tokoh seperti Umar Junus membawa beberapa teori pascamoden seperti strukturalisme dan resepsi. Dekad 1980-an kita menyaksikan kebanjiran teori pascamoden, yang saya turut terlibat memperkenalkan beberapa teori. Kedudukan keilmuannya seakan-akan sebagai tamu kehormat, namun ada juga menyifatkan teori sastra pascamoden ini sebagai ajukan lambang perlanjutan kolonial dengan wajah baharu.

Tuntutan sebuah teori tempatan senantiasa memasuki sangkar pemikiran yang fenomenanya dan kompleks. Teks kreatif yang bersifat sosilogikal dan istimewa Islamik mengisusi dada persuratan. Dalam situasi begini, banyak fikrah yang menyatakan perlunya teori sastra Islam dibina. Sementara di yaysan pengajian tinggi, ijazah kesarjanaan banyak berkiblat kepada penilaian sastra bertujahkan Islam. Dengan hasrat untuk memenuhi tuntutan ini, sebuah pendekatan sastra atas dasar bertunjangan Islam mula dibina, iaitu "Pendekatan Sastra Islam", yang kali pertamanya dibicarakan dalam *Berita Harian*, 16 September 1984. Tulisan ini memerlukan pengukuhan dan penyempurnaan, dengan disediakan definisi, konsep dan kaedah analisisnya, hampir dua tahun menyediakannya. Pada tahun 1986, dengan menggunakan judul "Pendekatan Kritikan Islam", makalah ini diterbitkan dalam buku *Kritikan Sastra; Kaedah dan Aplikasi*. Kemudian, saya namakannya dengan teori sastra Islam. Sememangnya pada waktu itu, ada niat di hati hendak membina sebuah teori sastra yang relevan dan sesuai untuk segala sastra.

Menurut analisis Hashim Awang dalam bukunya *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan* (1988), telah mengakui pendekatan sastra Islam itu sebagai sebuah teori. Dan, kebetulan kerana makalah ini diterbitkan dalam buku dan digunakan di universiti, maka teori itu sebenarnya banyak digunakan oleh pelajar untuk membuat esei dan latihan ilmiah. Shahnun Ahmad juga pernah memberitahu saya, beliau sendiri menggunakan buku itu dan teori sastra Islam itu. Daripada pengakuan Hashim Awang itu, dapat disimpulkan bahawa teori sastra Islam itu ialah teori pertama yang diciptakan di tanah air. Kemudian teori itu dikembangkan dan dimantapkan, lalu ditukar namanya kepada teori sastra taabudiyah (1998), supaya teorinya mempunyai nama dan juga supaya mengelakkan pertindihan dengan sastra Islam takmilah Shafie Abu Bakar.

Taabudiyah muncul pada peringkat awalnya sebagai sebuah pendekatan, beralih menjadi sebuah teori. Dalam sastra Melayu, teori yang terus wujud sebagai teori ialah puitika sastra Melayu penjaanan Muhammad Haji Salleh, yang menyusur akar estetikanya daripada pantun dan hikayat sastra Melayu klasik, berseleri dengan mekanisme Aristotele yang masuk ke zaman tradisi drama Yunani. Pada dasarnya, tahun-tahun 1986, 1988, 1990, 1993, 1994, 2002 dan 2003 ialah tarikh keramat bagi teori sastra Melayu. Tahun 1986 wujud taabudiyah; 1988, puitika sastra Melayu; 1990, pengkaedahhan sastra Melayu Hashim Awang; 1993, teksdealisme Mana Sikana; 1994, takmilah Shafie Abu Bakar; 2002, pemikiran SPBL Mohd Yusof Hassan; dan 2003, konseptual kata kunci Mohd. Mokhtar Hassan.

Sastra Melayu telah memiliki sebaran teori sastra tempatan. Teori muncul daripada pelbagai situasi,

antaranya, pertama, lahir daripada tuntutan munculnya fenomena baharu teks sastra; kedua, hasil perkembangan teori sebelumnya bagi mengisi kelompangan yang terdapat dalam peta penilaian yang ditinggalkan; ketiga, mengisi teori yang telah hilang; dan keempat, memenuhi permintaan penulis akademik untuk kesarjanaan.

Sebuah teori tidak boleh terpisah daripada falsafah bangsa yang telah terbina daripada tradisi zaman-berzaman. Seperti sesebuah teks, karya mempunyai keturunan berayah beribu. Menurut intertekstualiti, teori juga mempunyai sasalah dengan unsur teori yang lain. Seorang pengarang ialah tukang kutip yang menghadirkan segala idea dan pengalaman bernas. Penteroi juga tukang gabung pelbagai konsep dan prinsip hasil pembongkaran dan kepercayaan. Tidak ada teori sastra yang berdiri dengan sendiri. Keajisan bukannya terletak daripada kewujudan tiada kepada ada, tetapi kelahiran kembali daripada taburan pelbagai ruang dan masa.

Namun begitu, sudah menjadi faktor utama teori dalam sepanjang sejarahnya, dimunculkan oleh kehadiran fenomena teks sastra, iaitu banyak dikaryakan sesuatu corak atau bentuk pengkaryaan, termasuklah kelahiran aliran dan kecenderungan baharu oleh ramai pengarang dalam sesuatu keadaan dan zaman. Setelah begitu banyak teks sastra berfenomena, maka diperlukan sesebuah teori untuk berdepan dengan teks-teks tersebut. Sebagai contoh, terjadi pada suatu masa tertentu, karya yang bersilang-seli dengan segala pertandaannya, sehingga lahir aliran simbolisme, maka diperlukan teori baharu untuk mendekatinya: semiotik. Karya sejarah baharu dengan historisisme, metafiksinya historiografik dan metasejarah menjadi kesukaan baharu khalayak. Teks bercorak fotokopi

menjadi jumud, lalu dipertukan teori historisisme baru.

Pertimbangan Kesesuaian Teori Melayu dalam Era Pascamoden

Teori sastera menjadi landasan pada perjalanan dan perkembangan kesusasteraan. Aspek aplikasi teori pula menjadi petanda sejauh mana teori itu diterima khalayak, menandakan juga kerelevannya. Semakin ramai pengkritik mengaplikasikannya, atau semakin banyak penulisan akademik menggunakannya boleh dijadikan penanda aranya. Sekian lama.

Setiap teori mempunyai tugas untuk mengemukakan naluri sastera, seperti yang dikonseptualisasikan dalam definisi, falsafah dan prinsipnya. Naluri teori taabudiyah ialah proses pengabdian hamba kepada Khaliquya. Naluri teori teksdealisme ialah susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna berlapis-lapis yang mempunyai sifat keunggulannya yang menjadi cita-cita setiap pengarang untuk mencapainya. Naluri sastera boleh berbeza menurut tanggapan, kepercayaan dan ideologi sesebuah teori.

Tugas wajib teori pula menurunkan ciri-ciri teori yang ditanggung daripada teks yang mencapai taraf kanun yang menjadi teras penteroriannya. Daripada sekian banyak teks yang berfenomena itu, akan tercipta yang kukuh dan bermutu, biasanya teori ini akan menyembunyikan ciri-ciri khas karya yang dapat dinukil aspek teoretisnya. Walau bagaimanapun, banyak teori mengambil fenomena ciri yang sudah tersedia unggul dalam sejarah yang selari dengan jiwa dan roh teorinya. Taabudiyah mengambil teks Islam zaman Umaiyah dan Abbasiyah, putika sastera Melayu dengan estetika pantun dan keistimewaan *Hikayat Isma Yatim*,

pengkaedahan Melayu dengan *Tajul Muluk*, dan teksdealisme dengan *Hikayat Hang Tuah*. Teori psikoanalisis Lacan menggunakan drama *Macbeth* - Shakespeare, manakala intertekstualiti mengambil puisi kabur Perancis, dan historisisme baru menggarap teks cemerlang Zaman Renaisans. Kesemuanya menunjukkan bahawa penurunan ciri teori dalam pembinaan sesebuah teori sastera amat perlu, seperti yang diperkanankan dalam perlembagaan teori.

Sesebuah teori juga perlu memiliki sifat kesesuaian dan kemampuan mencakup tuntutan semua genre sastera. Teori tidak hanya diciptakan untuk sesebuah genre sahaja seperti novel, seharusnya rumusannya memenuhi naluri puisi, cerpen dan drama. George Lukacs yang afirismenya "sastera sebagai cermin masyarakat" yang sangat tersohor itu, menunjukkan gagasannya pada novel semata-mata, seperti yang dibahaskannya dalam bukunya *Historical Novel*; akhirnya rumusannya ini hanya diterima sebagai sebuah model teori dalam Marxisme sahaja. Tidak lengkap teori itu malah kedudukannya tidak diiktiraf seandainya teori hanya untuk sesebuah genre tertentu sahaja. Sekiranya ada tumpuan tinggi ke arah sesuatu genre tetapi masih fungsional pada genre lain, seperti formalisme Rusia dan the *new critic* Amerika yang hanya menjurus pada bahasa dan stail puisi itu, kehadirannya diterima, justeru masih boleh diaplikasikan untuk genre yang lain. Teori tidak boleh bertentangan dengan naluri tekstual kejadiannya zaman-berzaman. Naluri puisi haruslah puitis, prosa terletak pada naratifnya, dan drama pada unsur dramatik dan teaterikalnya.

Di samping itu, keterbolehananya untuk dibina dari aspek nilai teori itu juga menjadi sebahagian daripada

syarat walaupun bukanlah rukun teori. Ada teori dengan sengaja menyediakan aspek nilai, yang diungkapkannya melalui prinsip-prinsipnya bagi memudahkan aplikasinya pada peringkat penyediaan dan kritikan. Teori sastera moden seperti formalistik, sosiologi dan moral menyediakan aspek nilai dan prinsip atau kaedah penelitian yang tegas dan sistematis. Kritikan yang menggunakan teori moden, wajib akur terhadap prinsip yang telah disediakan. Berbeza daripada teori pascamoden seperti pascastrukturalisme, dekonstruksi, feminisme dan historisisme baru yang menguatkan diri dalam sudut konsep dan kriteria, tetapi aspek prinsip banyak bergantung atas budi bicara penggunanya.

Justeru, tidak tertolak, salah satu ciri teori ialah sifatnya yang universal, membuka dirinya untuk sebuah dunia yang terbuka luas. Dunia tanpa sempadan mengundang sesebuah teori itu, mampu menghadapi sebarang teks di mana-mana sahaja tanpa halangan kebudayaan dan politik. Justeru, teori yang terbina di Perancis dengan penstrukturannya, Rusia dengan pendialogismenya, Jerman dengan pengkhalayakannya, tidak ada halangan dengan tradisi kesusasteraan di mana-mana negara, termasuk kesusasteraan Melayu. Seandainya teori itu teori sastera Islam, maka penjabarannya boleh terpakai di mana-mana negara Islam, meski berbeza mazhab dan aliran.

Dalam konteks yang sama, sebuah teori lazimnya akan berlaku adil pada semua teks sastera biarpun di mana-mana pun karya itu dihasilkan. Sebuah dogma, juga paranoia dengan skala besar-besaran sering dimomokkan bahawa teori sastera ialah usaha hegemoni, malah berbentuk imperialisme baharu

terhadap negara lain. Meski tanggapan ini selamanya boleh disahihkan, tetapi ada ruang untuknya. Sebuah teori ialah manifestasi keilmuan untuk alam sejagat. Tidak terlantas seseorang atau mana-mana negara yang menghasilkannya untuk menakluk negara lain melalui askar-askar teorinya.

Sesebuah teori dapat dikenal melalui aspek klasifikasinya. Terdapat empat jenis teori; dimulai dengan tekstual, seperti teori struktur dan serumah dengannya (yang menganut makna terkandung dalam teks). Kedua kontekstual, bahawa unsur luaran sosial, sejarah, budaya, pendidikan dan agama sebagai pembentuk sastera. Ketiga, perkhayalakan, yakni pembacalah yang mempunyai kuasa dan daulat dalam penulisan dan penilaian sastera. Keempat, kepengarangan, bahawa pengarang membina subjektiviti teks dan pusat dinamik pengkaryaan. Teori sastera klasik dan teori sastera moden terbeza oleh tekstual dan kontekstualnya.

Pada zaman pascamoden, sempadan itu sudah dibongkar, justeru teori zaman ini bersifat multijenis. Sementelah itu, kebanyakan teori sastera kini menggabungkan kesemua jenis itu bersatu dalam dirinya, maka pertembungan konsep dengan fungsi tidak lagi berlaku antara satu sama lain. Daripada sekian banyak teori itu juga, ada yang mencapai taraf kanun atau teori besar, seperti gugusan teori strukturalisme, Marxisme, psikoanalisis dan pascakolonialisme. Selebihnya ialah teori biasa. Hidupnya bergantung pada kerelevanan atau sifat fungsionalnya. Ada yang hidup dalam keadaan uzur. Esok atau lusa mungkin tergugur.

Banyak teori dan ramallah penterori, tetapi hanya beberapa teori yang matang dan penterori yang

sebenar. Inilah realiti dunia teori. Setelah Sigmund Freud mengemukakan psikologi tentang id, ego, superego dan libido dengan tiga sudut kesedaran, separuh sedar dan bawah sedar, muncul puluhan, malah ratusan gagasan atau model teoretis tentang kejiwaan. Namun begitu, pascateori yang berhasil hanyalah fenomena arketipa Carl Jung, psikoanalisis Lacan dan revisionisme Harold Bloom. Sesungguhnya, hanya beberapa orang sahaja sebenarnya yang berhasil menjadi penterori sastera. Ada yang hanya tukang susun gagasan, ada yang hanya menyediakan kriteria, ada yang hanya menjadi penulis pelengkap, dan hanya bertindak sebagai teaterikalisasi, yakni mementaskan teorinya di mata khalayak, disuap dengan dialog-dialog tanpa kenal rukun penterorian.

Di dunia Barat, penciptaan teori sudah menjadi suatu tradisi. Kecintaan mereka pada sastera sudah membudaya. Di negara kita, oleh sebab teori memperoleh makam yang istimewa, Muhammad Haji Salleh pernah menyatakan, ramai orang yang ingin berteori, kadang-kadang bukannya teori tetapi hanya longgokan gagasan.

Dalam proses penciptaan teori sastera, terpakainya "Akta 5P" yang memperlembagakan penciptaan teori sastera; yakni pelajar, pengkritik, pemikir, penguasa dan penterori. Perjalanan hayat sastera mengalami kelima-lima "p" itu. Pelajar mempelajari dan menguasai kebanyakan teori sastera. Pengkritik pula seharusnya mempraktikkan ilmunya, malah memperoleh tempat istimewa dan terhormat sebagai penilai teks sastera. Pemikir juga seorang yang tajam indera sasteranya; menjadi perenung, pencari arah, terbuka dan memiliki sifat falsafah. Penguasa ialah seorang ilmuwan dan akademia sastera, sarjana atau profesor. Pandangannya beribawa. Pengaruhnya autoritatif dan

berkarisma. Penterori hanya memiliki nama itu, setelah mengalami suatu proses panjang dalam hayat sasteranya.

Berdasarkan pada rukun, syarat dan tuntutan penuh penterorian itu, saya pernah menyatakan daripada sekian banyak teori sastera tempatan, hanya beberapa sahaja yang diterima sebagai teori, iaitu teori taabudiyah, putika sastera Melayu, pengkaedahan sastera Melayu, teksdealisme, takmilah dan konseptual kata kunci. Selebihnya, ada yang hanya baru sampai pada takah gagasan.

Rahman Shaari pernah mengemukakan teori anjakan makna. Saya pernah memberitahunya, janin teori sudah ada tetapi perlu pematapan. Jika hanya sekadar anjakan makna, dalam intertekstualiti sudah wujud prinsip demitefikasi. Rasa fenomenologi Sohaimi Abd. Aziz pula hanya cantuman teori rasa dengan intertekstualiti dan fenomenologi. Belum disediakan konsep dan tidak dinyatakan teks yang menjadi rukun penurunan ciri-ciri teoretisnya, hanya tinggal menjadi sebuah kerangka teori. A. Wahab Ali pernah membentangkan gagasan warisan sebagai suatu permulaan pembinaan teori, tetapi belum disempurnakan penteroriannya. A. Halim Ali sudah membentang pemikirannya tentang teori estetika bersepadu. Banyak rukun yang sudah dipenuhi, tetapi masih dalam perjalanan ke destinasi. Apa-apa pun, perlu ada kesedaran bahawa akar teori Melayu tetap bersandar pada teks sastera Melayu dan budayanya, lalu harus menjadi dasar pembinaannya.

Antara sekian banyak ciptaan teori bertaraf gagasan, terdapat gagasan yang mencadangkan supaya pengarang menghasilkan karya yang diformulasikan dengan resipi isi tertentu bagi membentuk sebuah genre kreatif yang baharu. Karya sastera dalam

pengamatannya harus mengandungi sejumlah ilmu pengetahuan dan meniadakan atau mengurangkan fungsionalisasi naratif atau puitis. Dalam konteks memberi arahan atau untuk melahirkan penstrukturan baharu teks sastera begini, sebenarnya bukannya membina teori, sebaliknya mendirikan aliran sastera! Teori sastera dan aliran sastera sememangnya mempunyai ciri yang sama terutamanya dalam sifatnya sebagai suatu anutan atau pegangan; namun berbeza dari segi tujuhan dan tanggungjawabnya. Teori sastera terbina hasil daripada teks sastera yang telah menjadi fenomena dalam penciptaannya. Aliran sastera cuba mengemukakan suatu bentuk teks baharu dalam penulisannya bagi mendapatkan fenomena itu. Justeru, gagasan itu sebenarnya bukan membina teori, sebaliknya membina aliran sastera.

Fenomena atau sesuatu yang menggejala menjadi syarat dalam penciptaan teori. Fenomena khalayak tidak memahami karya kanun dan menggonggong kreativiti ke arah kemajuan, boleh dan dapat dijadikan sebab sebuah teori diciptakan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Inilah yang terjadi pada tahun 1920-an, apabila khalayak menghadapi kesukaran memahami teks Dostoevsky, Gogol, Pushkin dan Tolstoy. Hal ini memberi ilham untuk Bakhtin mencipta teori dialogisme. Fenomena menjadi asas penciptaan teori, tidak hanya dalam kalangan disiplin sains kemanusiaan seperti sastera dan psikologi, tetapi juga dalam sains kemasyarakatan seperti sosiologi, antropologi dan budaya. Fenomena teks berada dalam ilmu sastera, fenomena sosial pula dalam sosiologi. Penemuan sains dan penerangan membawa perubahan kemasyarakatan, membawa Comte memperkenalkan teori evolusi

positivistik. Bagi mencapai perimbangan sosial dan harmoni, Merton mencipta teori fungsionalisme struktural. Telah terjadi gaung perbezaan besar antara si kaya dengan si miskin pada abad ke-20 apabila penindasan ialah paksaan dan keadilan ialah makanan penguasa. Fenomena ini menjadi alasan cukup kuat *Das Kapital* ditulis dan muncul teori Marxisme.

Kuasa menjadi pusat tenaga dan dunia berantakan kerana mengkonflikkannya, menjadi ilham bagi Michel Foucault mencipta teori kekuasaan dengan menyatakan *knowledge is power*. Pengetahuan menjadi alat untuk berkuasa. Melalui proses pendisiplinan dan normalisasi yang menjadi metode Foucault, penggunaan ilmu dapat diterapkan dalam pelbagai bidang untuk mendapat kekuasaan. Sebuah perjuangan tidak hanya melawan eksploitasi dan dominasi, juga melawan sesuatu pihak yang cuba memaksakan ideologinya, tanpa strategi kukuh dan mengabaikan ilmu dan sejarah akan menggagalkan.

Malahan, teori sosiologi Marx dan teori kekuasaan Foucault telah pun masuk ke dalam teori sastera. Marxisme melahirkan teori sastera Marxis dan kekuasaan Foucault memunculkan teori historisisme baru. Begitu sahaja seterusnya kita menyaksikan teori sains kemasyarakatan menjadi mangkin kemunculan teori sastera di Barat. Teori hegemoni Gramsci melahirkan teori sastera budaya dan orientalisme Edward Said menjana pascakolonialisme. Dapat dirumuskan di sini bahawa perkara yang menjadi teras pada kemunculan teori sastera ialah teori daripada gugusan sains kemasyarakatan, dan teori-teori ini tetap berteraskan fenomena yang menggejala. Hal ini dapat dibuktikan secara cukup jelas betapa penting dan mendasarnya fungsi fenomena dalam pembentukan teori oleh teori

fenomenologi yang ditaja oleh Husserl.

Dibuktikan juga bahawa pemikiran, ideologi atau falsafah sahaja tidak cukup kuat untuk membina teori, apalagi jika tidak memiliki ciri-ciri penteorian. Betapa banyaknya gagasan, meski bernas dan kukuh, tetapi hanya tinggal menjadi fikrah, kerana janin dan dirinya hanya sebuah gagasan. Dalam dunia sastera, sepanjang sejarahnya, ramai peneliti dan banyak pemikiran serta gagasan diketengahkan, malah ada yang menjadi wacana perdana, namun jika tidak memiliki benih penteorian, maka hanya tinggal sebagai pewacanaan.

Kita tidak ramai memiliki pemikir sastera, antaranya yang boleh diketengahkan seperti Za'ba, Ismail Hussein dan Syed Muhammad Naquib al-Attas. Za'ba mengemukakan idea tentang cara hendak mencapai kemajuan dan modenisme dalam sastera. Sebagai contoh dalam genre drama, beliau pernah melakukan banyak adaptasi karya Shakespeare dan Taufik al-Hakim, menyediakan kaedah penulisan skrip drama dan memberi jalan untuk memajukan drama bangsawan dengan mementaskan drama yang berjejak pada subjek masyarakat. Namun begitu, tidak cukup untuk dibina sebuah teori sastera berdasarkan pemikiran beliau ini, sebaliknya kekuatannya datang dalam ilmu bahasa Melayu yang besar kemungkinan dapat diturunkan daripada teori bahasa Za'ba. Namun begitu, para akademia bahasa dan linguistik Melayu tidak pernah terfikirkan hal ini. Di Barat, pemikiran ahli bahasa Ferdinand de Saussure, yang mewanakan *langue* dan *parole* dinukil penteoriannya sehingga memunculkan strukturalisme. Ismail Hussein lebih terlihat sebagai aktivis, tetapi mempunyai serangkaian pemikiran untuk memajukan sastera Melayu. Pandangannya terhadap Abdullah

Munsyi dan pegangan sosiologisme sasteranya menarik juga untuk dibahasakan. Walau bagaimanapun, pemikiran itu tidak membayangkan kewujudan ciri-ciri penteorian.

Begitu juga dalam pemikiran Syed Muhammad Naquib dalam bukunya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* yang lebih menekankan perubahan terhadap bahasa Melayu dan hanya secara sentuhan terhadap sastera Melayu. Jika kita menyusur sejarah Islamisasi di mana-mana pun, Islam akan menumbuhkan bahasa yang baharu, di benua India melahirkan bahasa Urdu, di Uzbekistan melahirkan bahasa Uzbek, di Iran bahasa Parsi dan begitulah seterusnya. Dari aspek sastera, ada benih pemikiran yang bernas, namun juga menunjukkan bahawa tulisannya bukanlah hasil sebuah penyelidikan yang rinci, bukanlah suatu pembacaan tekstual terhadap karya sastera Melayu. Oleh sebab itu, Syed Muhammad Naquib hanya banyak meraba-raba dan membuat penghakiman, bahawa kebanyakan penulis Melayu tidak memahami tradisi Barat dan Timur. Tiga golongan penulis dominan Melayu, agamawan, nasionalis dan guru, yang mendapat pendidikan di Asia Barat seperti al-Azhar, mendapat ilmu di beberapa pengajian tinggi di dalam dan di luar negeri dan mendalami pendidikan persediaan sebagai guru. Tidak munasabahlah mereka ini buta dengan Barat atau Timur. Tegasnya, sasterawan tanah air tidak mengenali tradisi Barat dan Timur, serta tidak mengenali nasib bangsanya sendiri dan teraba-raba sahaja ialah pandangan stereotaip dan bukan penyelidikan yang tepat. Malah, tidak wujud pun wujud ciri-ciri penteorian sastera Melayu dalam buku penuh pemikiran itu. Bayangkan, seseorang yang tidak menjadi pembaca karya sastera Melayu, pemikirannya boleh pula berisi kanun

tekstual dan kontekstualnya. Apalagi sifat kepegangannya? Begitulah selagi namanya pemikiran manusia, selamanya akan terdedah kepada kelemahan.

Aras Penubuhan Teori Sastera Melayu yang Seterusnya

Usaha melakukan metode gabungan dengan kaedah eklektik, kombinasi atau integrasi antara teori, merupakan satu cara untuk membina teori sastera, tetapi garapannya harus terancang, sesuai dan serasi dengan teks-teks sastera yang telah berfenomena. Lucien Goldmann pernah melakukan modifikasi model cermin Georg Lukacs dengan menggabungkan strukturalisme dengan gagasan genetik. Yang dimaksudkannya dengan genetik ialah menyusur asal usul teks dengan menganalisis pengarang dan konteks sosial karya. Lacan pula menemui psikologi Sigmund Freud kurang tepat, lalu digantikannya semua istilah psikoanalisis dengan kajian imejan, imej cermin dan simbol. Teori sastera Marxisme sudah lama dikuburkan, tetapi hantu-hantunya dijelmakan semula oleh teori historisisme baru. Jika dahulu, salah satu modelnya ialah sastera realisme sosialis, kini menjadi analisis terhadap subaltern yang sama dari segi metodologinya. Namun, metode gabungan dengan kaedah eklektik, kombinasi atau integrasi antara teori, harus jejak kepada teks yang berfenomena dan berselari antara teks dengan keperluan analisis, terutamanya dalam pencarian makna dan signifikasi tekstual dan kontekstualnya. Eklektik atau integrasi antara teori Barat tidak akan menjelmakannya sebagai teori sastera Melayu. Teori sebegini hanyalah berdiri sebagai kerangka teori. Antara komponen yang mendirikanannya, haruslah hasil daripada penelitian dan

gagasan terhadap karya dan fenomena tempatan. Tanpa teori tidak juga akan berdiri.

Kekuatan konsep sastera, sifat legislatif pengarang dan kesempurnaan aspek nilainya menjadi akar pembina rumah teori. Seorang penteori tidak perlu menajaja teorinya di pasar khalayak. Dan, dalam sejarah teori, tidak ada ahli teori yang bersangka buruk terhadap teori orang lain, seolah-olah ada teori yang menganut fahaman patrimoni berhalah atau datang dari neraka.

Dalam konteks yang sama, ada waktunya menjadi sangat kontroversial apabila dilakukan pertembungan teori sastera Melayu dengan Barat. Ada orang berpendapat, semua teori sastera Barat harus diusir kerana bersifat pendudukan haram di negara ini. Malah, ada yang mahu membunuhnya kerana menjahanamkan teks sastera Melayu. Mereka takut ada roh atau hantu Barat itu menguasai sastera Melayu. Wajah Barat sering menimbulkan perdebatan. Ada yang menolaknya bulat-bulat, justeru jiwa raganya bertentangan dengan nilai sastera tempatan. Dalam kalangan cendekiawan agama pula, teori Barat dikatakan berlawanan dengan roh Islam, dan bagi mensakralkan dirinya untuk kelihatan kudus dan murni, teori Barat harus ditiadakan. Justeru, situasi teori Barat terutamanya yang pascamoden seperti dekonstruksi, semiotik, intertekstualiti, feminisme, historisisme baru dan pascakolonialisme tidak berenang kehadirannya. Kononnya, nilai teori Barat tidak sesuai untuk berhadapan dengan teks sastera Melayu. Terdapat perbezaan tempat, roh dan akliahnya. Dalam tanggapan lebih keras, ada juga yang berpendapat, selamanya Islam menentang Barat; apa-apa sahaja yang namanya, Barat harus disanggah. Digambarkan seolah-olah



**SIKAP FANATIK KEPADA ILMU
MENJADIKANNYA SASTERA YANG
HALUS AKAN BERISI DENGAN
TULANG-TULANG KEILMUAN YANG
MEMBESI, MENJADIKANNYA
KERAS DAN MEMBERAT.**

sastera Melayu dipenuhi Barat dan menanamkan kebencian pada sesuatu yang asing. Fahaman antikolonial dan oksidentalisme bersatu dalam pegangan ini. Ada waktunya terjerumus kepada antiwacana.

Kemunculan teori-teori tempatan pula disifatkan tidak berhasil mengekang kuasa teori Barat itu. Kenyataannya, seolah-olah teori sastera tempatan tiada upaya meminimumkan hegemoni teori Barat. Di tengah-tengah keramaian teori, berlangsung ketegangan, menerbitkan pertikaian dan saling bermusuhan-musuhan secara diam. Ada juga pencipta teori tempatan yang terpesona dengan jampi serapah dan aforisme terhadap teori ciptaannya, berasa teorinya lebih dewasa daripada yang lain tanpa asas kajian yang terjejak pada realiti sastera. Suasana ini menimbulkan rasa gentar, dan yang terbangun ialah rasa kebencian. Tanpa disedari, ada teori yang menjadi meriam buluh.

Dalam konteks yang beriringan, kita boleh bersandarkan tujuan kehadiran sekian banyak teori Barat yang sastera klasik, moden dan pascamoden ke negara ini adalah atas tuntutan keserjanaan, dan atas pengembangan keilmuan seperti yang berlaku pada zaman Abbasiyah. Latihan ilmiah, tesis sarjana, disertasi kedoktoran, apalagi tugas dan projek sastera, memerlukan aplikasi teori. Sama ada penyelidikan kuantitatif atau kualitatif, analisis kandungan dan pembuktian penemuan, semuanya dihujahkan dengan prinsip sebuah teori atau beberapa buah teori. Demi tuntutan pendidikan, Islam tidak pernah menyekatnya, selagi bukannya ilmu yang menyesatkan seperti sihir dan seumpamanya. Sejarah menyaksikan cendekiawan Islam Abbasiyah membawa masuk segala ilmu dari pelbagai penjuru, seperti yang disentuh sebelum

sastera, seperti yang dibincangkan sebelum ini. Di sinilah perlunya kita merujuk dalil naqli, *qat'ie* (jelas) dan akhlah.

Sehubungan dengan konsep itu, ada keselariannya dengan usaha pertumbuhan, pengembangan dan perubahan dalam epistemologi teori sastera. Pandangan para imam dan ulama besar terbukti bahawa kedudukan teori sastera ialah mubah sifatnya. Pengamatan terhadap perjalanan sastera Melayu dan hubungannya dengan tradisi Islam sebenarnya untuk menyusur jejak mencari tempat bertapak dan berpijak. Penggunaan sumber konseptual keislaman lalu melakukan transformasi daripada sebuah tamadun besar sastera, sebenarnya menghasilkan kedudukan yang sangat kukuh lantas dilalui bersama". Inilah yang dipegang oleh alim ulama Islam zaman Abbasiyah yang telah membangunkan ilmu pengetahuan.

Laluan proses transformasi keilmuan adalah sama dalam sepanjang zaman dan tamadun, iaitu melalui aktiviti penterjemahan, penyesuaian dan penulisan asli karya sendiri. Dalam konteks teori ini, perjalannya sama. Teori-teori pascamoden yang diperkenalkan pada peringkat pertama seperti yang dilakukan oleh Umar Junus dan Hashim Awang merupakan pemindahan penuh (*full transformations*). Tujuannya adalah untuk memelihara keaslian teori. Pada peringkat kedua, teori sastera tersebut melalui modifikasi dan perkembangan, iaitu proses penyaringan dan penyesuaian dengan iklim sastera tempatan. Pada peringkat ketiga, barulah para pemikir sastera tempatan menghasilkan teori sendiri.

Dalam konteks ini, kita boleh merujuk hadis Nabi SAW dan kedudukan

di bumi sendiri, malah kadang-kadang tidak relevan dengan teks yang dikaji, menyebabkan hasilnya kurang memberangsangkan. Begitu juga pemilihan teori tempatan yang tidak sesuai dengan teks atau tujuannya yang berbeza, tidak akan menyampaikan tujuan utama kritikan. Contohnya, paksi teori yang dipilih terletak pada bisa ular, maka masalah yang pengkritik ke wilayah rimba belantara teks untuk mencari ular. Rupa-rupanya di daerah itu memang tandus dengan ular, lalu akhirnya pengkritik membuat hukuman bahawa karya itu tidak bagus, kerana ular yang dicari-cari itu tidak ditemui. Yang salah bukan teorinya, juga teksnya, tetapi pengkritiknya.

Walau bagaimanapun, perlu disedari bahawa aspek pengaplikasian teori dalam dunia keserjanaan bukanlah ukuran mutlak keunggulan sesebuah teori. Penulisan akademik boleh sahaja dibina kerangka teorinya yang berasal daripada gagasan, model, kod atau disiplin ilmu di luar sastera. Terdapat tesis kedoktoran yang membicarakan keperluan remaja mengaplikasikan gagasan pemikiran Maslow dan bukannya daripada teori psikoanalisis Freud, mengkaji aspek model pendidikan bersepadu dengan gagasan Hilton, bukannya daripada teori budaya yang sepatutnya. Tegasnya, tidak bererti apabila sesebuah teori itu telah digunakan untuk penulisan akademik, keabsahannya sebagai teori sudah diterima secara mutlak.

Kekuatan dan dinamisme sesebuah teori dapat diukur daripada rujukan gagasan, pemikiran atau falsafah yang dianutnya. Puitika sastera Melayu kembali menghargai falsafah kesusasteraan Melayu klasik seperti pantun dan hikayat, justeru di situ, tersembunyi genius asli Melayu dan teorinya ingin

mengembalikan keindahan itu dalam penciptaan dan penilaian sastera Melayu moden. Takmilah berhasrat menyempurnakan kesusasteraan hatta pada maqam puncak, insan al-kamil yang diletakkannya pada takah yang ketujuh, supaya kesusasteraan Melayu menjadi sempurna dan manusianya juga sempurna, *mutakammilah*. Sementara itu, dalam teori konseptual kata kunci, sastera terbina atas pembinaan konsep terhadap sesuatu idea, perkara, hal, objek dan sebagainya, yang perlu diuraikan dalam usaha menanggapi teks sastera supaya penciptaan sastera menjadi teguh dan analisisnya memenuhi konsep kekuatan tekstual dan kontekstualnya. Teras falsafah taabudiyah ialah sebagai hamba; ketaatan, penyerahan dan pengabdian sepenuhnya dijadikan pencapaian tertinggi untuk mendapatkan keredhaan-Nya di dunia dan akhirat.

Jelas bahawa kewujudan teori banyak bergantung pada kekuatan falsafah sesebuah teori itu. Seandainya teori itu rapuh, lama-kelamaan ia terkulai dan gugur. Untuk mendapat kekuatan, ada juga yang mengikat dirinya dengan sesuatu pemikiran atau falsafah. Merujuk tokoh seperti Imam al-Ghazali, Ibnu Rusyd, Raymond Williams dan sesiapa sahaja yang relevan dengan epistemologi teori sastera dibenarkan, asalkan pandangannya mempunyai nilai teoretis sastera. Imam al-Ghazali, kekuatannya pada ilmu falsafah, pendidikan Islam, akhlak dan tasawuf. Namun, jika terlalu taasub atau fanatik kepada pandangan seseorang sahaja akan mendamparkan pada kesempitan dan taklid buta. Seagung-agung Imam al-Ghazali, tetap terdapat kelemahannya, dan mempunyai penentangannya; ahli fuqaha daripada golongan al-Sunni di Kardoba yang membakar kebanyakan buku Imam al-Ghazali. Hamzah

Fansuri yang mewarisi tasawuf Ibnu Arabi dan meparodi *isti'arah* burung Attar, *Mantiq al-Tairiy* dengan burung pingainya; karyanya juga pernah dibakar. Terlalu kuat berpegang pada sesebuah pemikiran atau falsafah juga ada bahayanya.

Terdapat pula teori sastera yang mungkar dengan teks Melayu. Apabila diaplikasikan, natijah atau dapatannya bertentangan dengan nilai kemelayuan, seolah-olah terasing meskipun hidup di bumi Melayu. Pertentangan nilai antara teks sastera dengan teori sastera menunjukkan wujudnya ketidakseimbangan dari sudut falsafah dan prinsipnya. Begitu juga ada teori sastera yang membawa simbol agama, tetapi pada waktu yang sama mengelirukan masyarakat sastera yang masih awam.

Pertembungan Terkini

Dalam gelombang penterioran terkini, gejala pertembungan hala tuju telah mbingkaikan percpechan fahaman, yang pada suatu pihak cuba mempertahankan kewujudan teks sastera sebagai sastera, dan suatu pihak lagi sastera sebagai ilmu. Sebagai sastera, selamanya akan tunduk pada pemikiran, emosi, intuisi dan estetik. Sebagai ilmu sastera dengan segala penghasilan penulisan dan penilaiannya, mestilah berjuang ke arah pengisian ilmu.

Sikap yang terlalu baku terhadap kesusasteraan akan menjatuhkannya kepada sifati subjektiviti dan mudah terbawa-bawa oleh ghairah lahiriah. Sikap fanatik kepada ilmu menjadikannya sastera yang halus akan berisi dengan tulang-tulang keilmuan yang membesi, menjadikannya keras dan memberat.

BERSAMBUNG ...